

Mengira Kelajuan

Kelajuan adalah hubungan antara **jarak** yang dilalui oleh objek yang bergerak dengan **masa** yang diambil oleh objek itu untuk melengkapkan jarak pergerakan.

Hubungan ini ditunjukkan dalam formula kelajuan seperti berikut:

$$\text{Kelajuan} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Masa}}$$

Ini dengan kata lain adalah jarak dibahagi dengan masa (jarak \div masa).

Jarak boleh dinyatakan dalam unit seperti m (meter), sentimeter (cm), kilometer (km) dan lain-lain.

Masa boleh direkod dalam unit seperti saat (s), minit (m) dan jam (j).

Kaji contoh berikut:

Seorang murid berlari sejauh **100 meter** dalam masa **20 saat**. Kirakan kelajuan lariannya.

Langkah pertama- tuliskan semula formula

$$\text{Kelajuan} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Masa}}$$

Langkah kedua- senaraikan pemboleh ubahnya:

Jarak: _____

Masa: _____

Langkah ketiga- masukkan ukuran pemboleh ubah

Jarak: **100 m**

Masa: **20 s**

Langkah keempat- bahagikan mengikut formula

$$\text{Kelajuan} = \frac{100 \text{ m}}{20 \text{ s}}$$
$$= 5$$

Langkah kelima: masukkan unit kelajuan

$$\text{Kelajuan} = 5 \text{ m/s}$$

m (meter)

s (saat)

Unit-unit mesti sama seperti yang disenaraikan dalam langkah (3) dan seterusnya.

Kirakan kelajuan dalam masalah berikut:

(1) Seorang murid mengambil masa 40 saat untuk berlari sejauh 200 meter. Berapakah kelajuan larian itu?

Jarak: _____

Masa: _____

Kelajuan = _____

=

Kirakan kelajuan dalam masalah berikut:

(2) Ayah memandu sejauh 40 kilometer ke tempat kerjanya selama 1 jam. Berapakah kelajuan kereta ayah untuk ke tempat kerja?

Jarak: _____

Masa: _____

Kelajuan = _____

=